

UMS hasrat tarik lebih ramai pelajar dari negara lain

NST 20/7/2011 5

OLEH MIZRON MARALANG

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) berhasrat untuk menarik lebih ramai pelajar dari negara lain untuk menuntut di institusi berkenaan.

Naib Canselor UMS, Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon berkata, Perjanjian Persefahaman di antara UMS dan AeU (Asia e-University) melambangkan kepentingan dan penyertaan UMS dalam projek pintu masuk yang juga dikenali sebagai EPP 6 bidang utama ekonomi negara (NKEA) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Katanya, AeU telah dilantik oleh kerajaan bagi menjalankan EPP 6 melalui kerjasama dengan institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia untuk menggalakkan pembelajaran jarak jauh (ODL).

Beliau berkata demikian ketika Majlis

Menandatangani MoU di antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Asia e-University (AeU) di Galeri Majlis, Aras 3, Bangunan Canselor, UMS, di sini, kelmarin.

"Di bawah inisiatif ini, setiap institusi pengajian tinggi adalah perlu untuk mengenal pasti dan membangunkan dua program pembelajaran jarak jauh dalam talian pada akhir tahun 2011.

"Dalam usaha untuk merealisasikan inisiatif ini, UMS sememangnya gembira dapat bekerjasama dengan AeU, bekerja bersama-sama dalam perkongsian pintar dalam pasaran dan mengukuhkan lagi program sarjana pascasiswazah UMS serta mendekati potensi pelajar antarabangsa di seluruh dunia.

"Ini seterusnya akan meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa di UMS dan mempromosikan Sabah sebagai hub pendidikan antarabangsa dan dengan itu menjana manfaat